# Tarikan go-kart untuk anak ekspat

## *Ramai pilih Singapura untuk mengasah bakat*

**Oleh JAZ AL-ZAIN**
*Penulis sambilan*

APABILA Kejohanan Karting Nasional yang pertama diadakan di sini bulan lalu, sambutannya amat menggalakkan dan di luar jangkaan.

Bagaimanapun, apa yang lebih menarik lagi ialah penyertaan pelumba asing di kejohanan tersebut. Jadi apakah yang menarik sangat mengenai karting ini?

*Vroom* sempat menemui beberapa anak ekspat di sini untuk mengetahui apakah yang menjadi tarikannya.

James Pull dilahirkan di Hospital Mount Elizabeth, tetapi berpindah ke Hongkong bersama keluarganya. Beliau hanya kembali ke sini dua tahun lalu ketika berusia lapan tahun.

Kali pertama beliau mencuba memandu go-kart ialah di Kart World di sini pada usia lapan tahun.

"Sebelum saya mencuba go-kart, satu-satunya perkara yang saya tahu mengenainya ialah enjinnya sangat bising," kata James.

"Tetapi selepas mencubanya buat pertama kali, saya sangat menyukainya sehingga saya tidak mahu keluar," kata warga Britain itu meskipun beliau dilahirkan di sini.

Ibunya pula adalah warga Malaysia yang pernah bekerja dengan SIA.

"Selepas kali pertama itu, saya akan ke Kart World setiap hujung minggu dan tidak lama selepas itu, saya dapati go-kart yang disewa adalah terlalu perlahan.

"Saya melihat seorang budak lain dengan go-kart junior dan beliau memandu dengan begitu pantas, jadi saya mahu go-kart saya sendiri," kata pelajar Sekolah Tanglin Trust itu.

Dalam tempoh sebulan selepas mencuba memandu go-kart buat kali pertama, bapanya, Encik Ted Pull, membelikannya sebuah go-kart terpakai.

Tiga bulan kemudian, James mendapat yang baru pula untuk membolehkan beliau berlumba buat pertama kalinya di Malaysia – Pusingan Pertama Cabaran Rotax Max Malaysia 2009.

Dalam tahun yang sama, James memenangi Kejohanan Karting KKS AAM Malaysia (Formula C) dan buat masa ini mendahului Piala Yamaha SL Malaysia (kelas kadet).

Lucas Thomas, baru berusia lima tahun. Warga Britain yang menetap di Singapura itu amat beruntung kerana bapanya, Encik Sheridan Thomas, memang kaki go-kart.

Lantas, Encik Thomas tidak membuang masa untuk mendedahkan anaknya itu kepada sukan tersebut. Lucas baru berusia tiga tahun apabila bapanya membelikannya sebuah go-kart kecil khusus untuk beliau.

Dalam 2007, mereka berpindah ke Singapura kerana tugas Encik Thomas.

Kini bapa dan anak sering kelihatan di Kartright Speedway di Jurong mencuba litar yang baru dibuka itu.

"Saya tinggal dan bekerja di banyak negara di seluruh dunia, tetapi saya masih berasa tiada tempat yang lebih baik daripada Singapura untuk Lucas memburu impiannya untuk menjadi pemandu F1 suatu hari nanti," kata Encik Thomas.

Richard Bradley, 18 tahun, adalah seorang lagi warga Britain yang walaupun baru setengah tahun berada di sini, mula mengukir nama.

Mula memandu go-kart pada usia lapan tahun, Bradley menjadi juara termuda Kejohanan Formula A S1 MSA Britain dalam 2007 semasa berusia 15 tahun lapan bulan.

Buat masa ini, beliau mempunyai kontrak dengan Team Eurasia Motorsport untuk berlumba sepenuh musim dalam kejohanan Formula BMW Pasifik. Seperti yang lain, Bradley juga mahu menjadi pemandu Formula Satu.



**LUCAS THOMAS:** Mahu jadi pemandu F1 suatu hari nanti. – **Foto SHERIDAN THOMAS**



**RICHARD BRADLEY:** Mula pandu go-kart pada usia lapan tahun, pernah jadi juara termuda di England. – **Foto CHERYL TAY**



**JAMES PULL:** Juarai kejohanan go-kart di Malaysia pada tahun sama pertama kali mencuba go-kart. – **Foto JAMES PULL**

